



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN PERKUKUH KERJASAMA DENGAN UNCTAD BAGI KAJIAN SEMULA PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN E- DAGANG

GENEVA, 14 SEPTEMBER 2024 – Hari ini saya telah bertemu Rebeca Grynspan, Setiausaha Agung United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Pertemuan tersebut turut dihadiri oleh PYT Dato' Nadzirah Osman, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UN) di Geneva.

UNCTAD adalah merupakan badan tetap antara kerajaan yang ditubuhkan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertanggungjawab bagi menggalakkan perdagangan dan pembangunan di negara-negara membangun. UNCTAD memainkan peranan untuk menyokong negara-negara membangun melalui perkongsian kepakaran, bantuan teknikal, kajian analisis dan pembangunan kapasiti.

Sebagai salah sebuah negara ahli, Malaysia telah menjalinkan kerjasama dan memanfaatkan perkhidmatan dan bantuan yang ditawarkan oleh UNCTAD sejak sekian lama. Di peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), jalinan kerjasama dan penglibatan sedia ada dengan UNCTAD adalah melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam aspek penggubalan dan penguatkuasaan polisi dan perundangan berkaitan persaingan.

Mengambil kira pengalaman dan kepakaran yang dimiliki UNCTAD, KPDN telah mengemukakan hasrat untuk mendapatkan perkhidmatan badan dunia ini dalam kajian perundangan berkaitan e-dagang. Dalam pertemuan ini, UNCTAD telah memberikan persetujuan secara prinsip. UNCTAD juga menyatakan bahawa usaha ini sejajar dengan fokus badan dunia ini untuk membantu negara-negara membangun bagi mendapat manfaat melalui pengintegrasian kepada sistem perdagangan antarabangsa, meningkatkan akses kepada teknologi digital dan sekali gus melindungi pengguna daripada eksploitasi.

Sebagai kementerian yang mengawal selia industri e-dagang, KPDN sedang melaksanakan kajian semula perundangan e-dagang bagi mengemas kini perundangan sedia ada seperti Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012 selaras dengan perkembangan pesat industri e-dagang. Kajian Semakan Semula Perundangan E-Dagang yang dilaksanakan melalui peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RP-4 RMK-12) ini telah bermula pada April 2024 dan dijangka selesai pada Mac 2025.

KPDN berharap melalui kerjasama dengan UNCTAD ini akan dapat membantu usaha kementerian untuk melaksanakan kajian perundangan baru e-dagang dengan lebih berkesan melalui perkongsian kepakaran dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Sebagaimana trend global, industri e-dagang di Malaysia adalah merupakan antara sektor yang sedang pesat berkembang. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai pendapatan daripada industri e-dagang di Malaysia pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak 6 peratus kepada RM1.09 trilion berbanding RM1.03 trilion pada tahun 2021.

KPDN akan terus komited untuk memastikan pembangunan ekonomi domestik yang seimbang termasuk melindungi kepentingan pengguna dan pada masa yang sama memastikan industri e-dagang akan dapat terus berkembang dengan pesat.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###